



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 249**

## AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH 1981

*Sebagaimana pada 1 September 2015*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
2015

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN  
WILAYAH KEDAH 1981**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	27 Mei 1981
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	28 Mei 1981
Kali terakhir dipinda melalui Akta A969 yang berkuat kuasa pada	...	...	...	27 September 1996

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 249****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH  
KEDAH 1981**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN**

## Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II****LEMBAGA**

3. Lembaga
4. Fungsi Lembaga
5. Keanggotaan Lembaga
6. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
7. Pkhidmat Awam
8. Kuasa Menteri untuk memberi arahan
9. Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
10. Fungsi tambahan Lembaga
11. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

**BAHAGIAN III****PENGERUSI, PEGAWAI, PEKHIDMAT  
DAN BAHAGIAN**

12. Pengerusi
13. Pengurus Besar dan Timbalan-Timbalannya

## Seksyen

14. Penyusunan Lembaga kepada Bahagian-Bahagian
15. Pelantikan pegawai dan pekhidmat lain
16. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat
- 16A. Jawatankuasa tatatertib
- 16B. Rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib
- 16C. Kuasa membuat peraturan-peraturan tatatertib
- 16D. Pengenaan surcaj
- 16E. Pemberian tahunan surcaj
- 16F. Penarikan balik surcaj
- 16G. Mendapatkan surcaj
- 16H. Keanggotaan Lembaga dalam kes khas

## BAHAGIAN IV

## KEWANGAN

17. Penubuhan Kumpulan Wang
18. Pengimbangan akaun hasil
19. Kumpulan wang rezab
20. Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang
21. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
22. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

## BAHAGIAN V

## KUASA LAIN LEMBAGA

23. Perwakilan kuasa Lembaga
24. Kuasa untuk meminjam
25. Pelaburan
26. Kuasa untuk mengambil khidmat ejen
27. Kuasa untuk memberi pinjaman
28. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan
29. Pengambilan tanah secara paksa

BAHAGIAN VI

AM

Seksyen

30. *(Dipotong)*
31. Tanggungjawab menyimpan kerahsiaan
32. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
33. Perkara yang dilakukan dengan menjangkakan Akta ini akan diperbuat
34. Tempoh kuat kuasa Akta
35. Penggulangan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 249****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH  
KEDAH 1981**

Suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

[29 Mei 1981]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bahagian” ertinya Bahagian yang ditubuhkan bawah seksyen 14;

“Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah” ertinya mana-mana kawasan yang ditetapkan oleh Menteri mengikut seksyen 9;

“Kumpulan Wang” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 17;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kemajuan wilayah;

“Negeri” ertinya Negeri Kedah;

“pegawai perakaunan” termasuklah tiap-tiap pegawai dan pekhidmat yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan memungut, menerima, atau mengakaunkan atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaun, apa-apa wang dalam Kumpulan Wang, atau yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan membayar, atau yang sebenarnya membayar, apa-apa wang, dan tiap-tiap pegawai dan pekhidmat yang dipertanggungjawabkan dengan penerimaan, penjagaan atau pelupusan, atau pengakaunan, apa-apa barang simpanan dan harta Lembaga atau sebenarnya menerima, memegang atau melupuskan barang simpanan dan harta itu;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Pengurus Besar” ertinya Pengurus Besar yang dilantik di bawah subseksyen 13(1);

“perbadanan” ertinya perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28;

“syarikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada “corporation” di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“Timbalan Pengerusi” ertinya Timbalan Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Timbalan Pengurus Besar” ertinya Timbalan Pengurus Besar yang dilantik di bawah subseksyen 13(6).

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA

#### **Lembaga**

3. Suatu pertubuhan perbadanan bernama “Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah” ditubuhkan yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai, yang boleh membawa guaman



dan dibawa guaman atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindah, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Lembaga, mengikut apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

### **Fungsi Lembaga**

#### **4. (1) Fungsi Lembaga adalah—**

- (a) untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah;
- (b) untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah; dan
- (c) untuk mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang tersebut di atas dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, dalam menunaikan fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas—

- (a) untuk menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti komersial dan perindustrian, yang perjalanannya didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan penunaian fungsinya yang itu, termasuk mengilang, memasang, memproses, membungkus, menggred dan memasarkan barang-barang, penyelidikan dan latihan;

- (b) untuk mendayausahakan kajian permulaan kawasan pembangunan dan pembangunan semula yang mungkin dan membuat rancangan permulaan yang menggariskan aktiviti pembangunan atau pembangunan semula dan tinjauan permulaan untuk menentukan sama ada pengusahaan dan penjalanan projek pembangunan atau pembangunan semula mungkin boleh diusahakan dan dilaksanakan;
- (c) untuk bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen atau ejen pengurus bagi, atau selainnya bertindak bersama-sama dengan atau bagi pihak, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat, mana-mana perbadanan, mana-mana badan atau mana-mana orang;
- (d) untuk memajukan dan menyelaraskan perjalanan apa-apa aktiviti oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat, mana-mana perbadanan, atau mana-mana badan atau orang lain;
- (e) untuk menubuhkan atau memperkembangkan, atau memajukan penubuhan atau pengembangan, syarikat, perbadanan atau badan lain untuk menjalankan mana-mana aktiviti itu sama ada di bawah kawalan atau separa kawalan Lembaga atau secara bebas;
- (f) untuk memberi bantuan kepada mana-mana pihak berkuasa awam, syarikat, perbadanan atau mana-mana badan atau orang lain yang didapati oleh Lembaga mempunyai kemudahan untuk menjalankan mana-mana aktiviti itu, termasuk bantuan kewangan melalui pengambilan modal syer atau pinjaman, atau melalui pinjaman atau selainnya;
- (g) untuk membeli, untuk menaja jamin atau selainnya memperoleh apa-apa saham dan syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian, dan melupuskan saham atau syer itu mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga;

- (h) untuk menghendaki jabatan dan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam menjalankan atau berniat untuk menjalankan pembangunan dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah untuk mengemukakan laporan berkenaan dengan aktiviti atau aktiviti yang dicadangkan oleh mereka yang mengandungi mengenai apa-apa butir dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga;
- (i) untuk melantik ejen atau menubuhkan apa-apa badan lain sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud menjalankan fungsinya;
- (j) untuk mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana kuasa atau fungsinya;
- (k) untuk menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya, apa-apa komisen atau bayaran yang dipersetujui;
- (l) untuk mengawal selia pembangunan dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah; dan
- (m) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi dan kuasanya dengan berkesan.

(3) Tertakluk kepada seksyen 8, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini memastikan fungsinya itu dilaksanakan mengikut cara yang dapat memajukan dasar Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan khususnya dasar yang berhubungan dengan penyusunan semula masyarakat.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), (2) dan (3), Lembaga hendaklah terlebih dahulu berunding dengan Kerajaan Negeri mengenai semua perkara yang melibatkan perancangan pembangunan sebelum menjalankan apa-apa fungsinya.

### **Keanggotaan Lembaga**

**5.** (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Menteri, kecuali Pengurus Besar:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;

- (c) tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan;
- (d) tiga orang wakil Kerajaan Negeri;
- (e) tiga orang yang mempunyai kedudukan profesional yang berkaitan; dan
- (f) Pengurus Besar.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3) dan (4), peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi anggota Lembaga.

(3) Perenggan 1, 2, 3 dan 7 Jadual Pertama tidak terpakai bagi Pengurus Besar.

(4) Pengurus Besar tidak ada hak mengundi dalam mana-mana mesyuarat Lembaga.

(5) Apabila jawatan Pengurus Besar kosong, subseksyen (1) hendaklah dibaca seolah-olah perenggan (f) telah dipotong.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

6. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

### **Pekhidmat Awam**

7. Semua anggota, pegawai dan pekhidmat Lembaga semasa menjalankan kewajipan mereka sebagai anggota pegawai dan pekhidmat Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

### **Kuasa Menteri untuk memberi arahan**

8. (1) Lembaga adalah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi arahan yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, melaksanakan semua arahan itu.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), dan tertakluk kepada perundingan dengan Lembaga, kuasa Menteri untuk memberi arahan hendaklah termasuk memberi arahan kepada Lembaga—

(a) mengenai pelupusan aset modal; dan

(b) mengenai penggunaan hasil daripada pelupusan itu,

walau apa pun arahan itu mungkin mengenai sesuatu yang tertentu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa arahan boleh diberi selagi apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga mengikut peruntukan Akta ini masih belum dijelaskan.

### **Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah**

9. (1) Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh, dengan persetujuan Kerajaan Negeri, dari semasa ke semasa menetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta* kawasan atau kawasan-kawasan dalam mana Lembaga akan menjalankan fungsinya di bawah Akta ini dan kawasan atau kawasan-kawasan itu hendaklah dinamakan “Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah”.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga untuk menjalankan fungsi yang diperuntukkan oleh Akta ini dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah.

### **Fungsi tambahan Lembaga**

10. Sebagai tambahan kepada kewajipan yang dikenakan ke atas dan kuasa yang diletak hak pada Lembaga oleh Akta ini, Lembaga boleh menjalankan apa-apa fungsi lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan mentadbir dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang mungkin diuntukkan atau diberikan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan dalam melakukan yang demikian Lembaga hendaklah disifatkan sebagai memenuhi maksud Akta ini dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi Lembaga berkenaan dengan fungsi itu dan berkenaan dengan pentadbiran dan perbelanjaan wang itu:

Dengan syarat bahawa akaun bagi wang itu hendaklah disimpan berasingan dan terpisah daripada akaun Kumpulan Wang.

**Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**11.** (1) Lembaga hendaklah memberikan kepada Menteri dan mana-mana orang, kumpulan orang atau pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti Lembaga sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang pratik selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan oleh Menteri sedemikian, kepada Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa awam lain, suatu laporan yang menyatakan aktiviti Lembaga sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

**BAHAGIAN III****PENGERUSI, PEGAWAI, PEKHIDMAT DAN BAHAGIAN****Pengerusi**

**12.** (1) Pengerusi hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Jika Pengerusi tidak ada di dalam Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup untuk melaksanakan kewajipannya, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan kewajipan Pengerusi semasa ketidakhadiran atau ketidakupayaan buat sementara itu.

**Pengurus Besar dan Timbalan-Timbalannya**

**13.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seseorang, yang dinamakan “Pengurus Besar”, untuk menjadi ketua pegawai eksekutif dan meletak hak apa-apa kuasa dan mengenakan apa-apa kewajipan ke atasnya dan fungsi yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab—

(a) menyediakan program, skim atau projek untuk pertimbangan Lembaga;

(b) melaksanakan segala program, skim atau projek Lembaga; dan

(c) melaksanakan keputusan Lembaga dan arahan Pengerusi.

(3) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab kepada Pengerusi.

(4) Pengurus Besar hendaklah berkuasa mengawal secara am pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(5) Pengurus Besar hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain atau apa-apa kewajipan tambahan sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga atau Pengerusi dari semasa ke semasa.

(6) Untuk membantu Pengurus Besar dalam fungsinya, Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seorang atau lebih Timbalan Pengurus Besar dan meletakhakkan pada mereka apa-apa kuasa dan mengenakan ke atas mereka apa-apa kewajipan dan fungsi yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Jika Pengurus Besar tidak ada buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup untuk melaksanakan kewajipannya, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana Timbalan Pengurus Besar melaksanakan kewajipan Pengurus Besar semasa ketidakhadiran atau ketidakupayaan buat sementara itu.

(8) Pengurus Besar dan tiap-tiap Timbalan Pengurus Besar ialah pegawai Lembaga.

### **Penyusunan Lembaga kepada Bahagian-Bahagian**

**14.** (1) Lembaga boleh menubuhkan Bahagian-Bahagian yang difikirkannya perlu, dan tiap-tiap satu Bahagian itu hendaklah di bawah kawalan dan jagaan seorang pegawai.

(2) Pegawai yang menjaga tiap-tiap satu Bahagian hendaklah dilantik oleh Pengerusi dengan kelulusan Menteri.

(3) Hendaklah menjadi tanggungjawab pegawai yang menjaga sesuatu Bahagian melaksanakan dan menjalankan keputusan Lembaga mengenai perkara yang berkaitan dengan Bahagiannya, mengemukakan syor-syor dasar untuk pertimbangan Lembaga, mengambil bahagian tanpa hak mengundi dalam sesuatu mesyuarat Lembaga apabila perkara yang berkaitan dengan Bahagiannya dipertimbangkan dalam mesyuarat itu dan juga menjalankan segala kuasa yang boleh diwakilkan kepadanya oleh Lembaga.

### **Pelantikan pegawai dan pekhidmat lain**

**15.** (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16, Lembaga boleh melantik mengikut apa-apa terma dan syarat yang difikirkan perlu oleh Lembaga beberapa orang pegawai dan pekhidmat lain yang perlu bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun yang layak untuk diambil bekerja sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga, yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui pekongsiannya, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

(3) Seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga yang mempunyai atau memperoleh apa-apa syer atau apa-apa kepentingan boleh, menurut budi bicara Lembaga, dibuang kerja secara terus tanpa notis.

### **Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat**

**16.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.



**Jawatankuasa tatatertib**

**16A.** (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib terhadap semua pegawai dan pekhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang itu mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16c.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

(a) hendaklah ditubuhkan jawatankuasa tatatertib Lembaga berkenaan dengan Pengurus Besar yang terdiri daripada—

(i) Ketua Setiausaha Kementerian, yang hendaklah menjadi pengerusi jawatankuasa itu; dan

(ii) dua orang anggota Lembaga yang hendaklah dilantik oleh Lembaga; dan

(b) Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori berlainan pegawai atau pekhidmat Lembaga yang berlainan.

(3) Yang berikut hendaklah terpakai bagi mana-mana jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan menurut perenggan (2)(b):

(a) jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Lembaga, selain Pengerusi Lembaga, atau pegawai Lembaga, atau apa-apa gabungan anggota dan pegawai itu; dan

(b) seseorang pegawai yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada mana-mana pegawai atau pekhidmat yang ke atasnya jawatankuasa yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tatatertib.

(4) Jawatankuasa yang ditubuhkan menurut perenggan (2)(b) hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara yang berhubungan dengan tatatertib pegawai dan pekhidmat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(5) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa tatatertib yang disebut di bawah subseksyen (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib atau apa-apa gabungan dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16c.

### **Rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib**

**16b.** (1) Suatu keputusan jawatankuasa tatatertib di bawah perenggan 16A(2)(a) boleh dirayu kepada Menteri.

(2) Sesuatu keputusan jawatankuasa tatatertib di bawah perenggan 16A(2)(b) boleh dirayu kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dan mempunyai undi pemutus; dan
- (b) tiga orang anggota Lembaga, yang bukannya anggota jawatankuasa tatatertib yang keputusannya adalah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(3) Menteri atau Jawatankuasa Rayuan Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesah, mengakas atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib.

(4) Apabila Jawatankuasa Rayuan Tatertib menimbangkan suatu rayuan di bawah subseksyen (2), seorang anggota jawatankuasa tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga anggota Lembaga tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.

(5) Keputusan Menteri atau Jawatankuasa Rayuan Tatertib di bawah subseksyen (3) adalah muktamad.

**Kuasa membuat peraturan-peraturan tatatertib**

**16c.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk mengadakan peruntukan bagi tatatertib pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) boleh mewujudkan kesalahan tatatertib;
- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman itu boleh meliputi amaran, denda, pelucuthakan emolumen, penangguhan pergerakan gaji, pengurangan gaji, penurunan pangkat dan buang kerja;
- (c) hendaklah memberi peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil untuk membuat representasi terhadap tuduhan yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib itu kecuali dalam hal yang berikut:
  - (i) jika seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
  - (ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungkan dengan hal ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suai manfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau
  - (iii) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran, atau jika telah dikenakan terhadap pegawai atau pekhidmat Lembaga apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau

selainnya, di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;

- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen pegawai atau pekhidmat Lembaga sementara selesainya prosiding jenayah terhadapnya atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya; dan
- (e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga jika pegawai atau pekhidmat itu telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah jenayah atau jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dibuat berkenaan dengan atau dikenakan terhadap pegawai atau pekhidmat itu.

### **Pengenaan surcaj**

**16D.** (1) Seseorang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Lembaga yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau

(e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Lembaga kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum orang itu disurcaj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis seperti yang disebut terdahulu, Lembaga boleh—

(a) dalam hal perenggan (1)(a), (b) dan (c), mensurcajkan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan dalam, atau pemusnahan harta yang dilakukan; dan

(b) dalam hal perenggan (1)(d) dan (e), mensurcajkan apa-apa jumlah wang terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

### **Pemberitahuan surcaj**

**16E.** Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcajkan berkenaan dengan surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen 16D(3).

### **Penarikan balik surcaj**

**16F.** Walau apa pun subseksyen 16D(3) dan seksyen 16E, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj akan penarikan balik itu.

**Mendapat kembali surcaj**

**16G.** Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen 16D(3) dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 16F hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang disurcaj dan boleh dibawa guaman dan didapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah atas tindakan guaman Lembaga dan boleh juga, jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga, didapatkan kembali melalui potongan—

(a) daripada gaji orang yang disurcaj; atau

(b) daripada pencen orang yang disurcaj,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

**Keanggotaan Lembaga dalam kes khas**

**16H.** Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Pengurus Besar, keanggotaan Lembaga bagi maksud seksyen 16D dan 16G tidaklah termasuk Pengurus Besar.

**BAHAGIAN IV****KEWANGAN****Penubuhan Kumpulan Wang**

**17.** (1) Bagi maksud Akta ini, ditubuhkan suatu kumpulan wang yang akan ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

(a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud itu oleh Parlimen atau Dewan Negeri;

(b) apa-apa jumlah wang yang dibayar dari semasa ke semasa kepada Lembaga daripada pinjaman;

- (c) wang yang didapati daripada penjalanan apa-apa projek, rancangan atau enterprais yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (d) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (f) jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana daripada kewajipannya; dan
- (g) semua jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada, atau terletak hak pada, Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa dan kewajipannya.

(3) Dalam seksyen ini ungkapan “pinjaman” ertinya apa-apa jumlah wang yang boleh diadakan dari semasa ke semasa kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri melalui pinjaman.

### **Pengimbangan akaun hasil**

**18.** Menjadi kewajipan Lembaga memelihara Kumpulan Wang dengan menjalankan dan melaksanakan kuasa, fungsi dan kewajipannya di bawah Akta ini supaya jumlah hasil Lembaga, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberi oleh Menteri di bawah seksyen 8, mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

### **Kumpulan wang rezab**

**19.** Lembaga hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rezab dalam Kumpulan Wang.

**Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang**

**20.** Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) memberi pinjaman di bawah seksyen 27;
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk bayaran ukur, guaman dan bayaran lain dan kos, dan saraan bagi pegawai dan pekhidmat yang dilantik dan diambil bekerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran;
- (c) membayar apa-apa perbelanjaan atau kos lain yang dilakukan atau dipersetujui dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan kewajipannya atau menjalankan fungsinya di bawah seksyen 4;
- (d) membeli atau menyewa loji, alat kelengkapan, alat jentera, barang-barang dan apa-apa bahan lain dan memperoleh tanah dan mendirikan bangunan dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain dalam melaksanakan kewajipannya atau menjalankan fungsinya di bawah seksyen 4;
- (e) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena bayar atasnya; dan
- (f) amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

**Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**21.** (1) Perbelanjaan Lembaga setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri; dan sebelum permulaan tahun yang berikutnya itu Menteri hendaklah memberitahu Lembaga amaun yang dibenarkan untuk perbelanjaan amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.



(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

(4) Menteri boleh mengarahkan Lembaga supaya mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Kerajaan Negeri atau kepada seorang yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

### **Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan)**

**22.** Peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN V

### KUASA LAIN LEMBAGA

#### **Perwakilan kuasa Lembaga**

**23.** (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut, mewakili kepada Pengerusi, Pengurus Besar atau mana-mana orang lain kuasa untuk menjalankan bagi pihaknya apa-apa kuasa, kewajipan atau fungsi yang diletakhakkan atau ditanggungkan oleh Akta ini pada atau ke atas Lembaga yang ditentukan oleh Lembaga, kecuali kuasa untuk meminjam wang, mendapatkan pinjaman atau membuat peraturan-peraturan; dan apa-apa kuasa atau fungsi yang diwakilkan sedemikian boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh Pengerusi atau Pengurus Besar atau orang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh mewakili kepada Pengerusi, Pengurus Besar, mana-mana anggotanya yang lain atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa, untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain di bawah kawalan Lembaga hingga takat yang Lembaga boleh nyatakan.

**Kuasa meminjam**

**24.** (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa meminjam, atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa syarat tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya yang Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, boleh meluluskan apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Lembaga bagi menjelaskan mana-mana tanggungannya atau bagi menjalankan mana-mana kewajipannya.

(2) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, meminjam wang dengan mengeluarkan bon, debentur atau saham debentur atau mendapatkan modal dengan mengeluarkan syer atau saham daripada apa-apa kelas dan nilai dan atas apa-apa syarat yang difikirkannya suai manfaat, bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) peruntukan modal kerja;
- (b) penunaian kewajipan Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) penunaian apa-apa fungsi tambahan yang dijalankan oleh Lembaga di bawah Akta ini;
- (d) penebusan apa-apa syer atau saham yang dikehendaki atau berhak menebusnya; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungkan dengan sewajarnya kepada akaun modal.

**Pelaburan**

**25.** Aset Lembaga hendaklah, setakat mana yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut cara yang Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, luluskan.

**Kuasa untuk mengambil khidmat ejen**

**26.** Lembaga boleh mengambil kerja dan membayar ejen dan penasihat teknik, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, broker saham, juruukur atau penilai atau orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan maksud Akta ini dengan cara yang lebih baik.

### **Kuasa untuk memberi pinjaman**

27. Pada melaksanakan kewajipannya atau pada menjalankan fungsinya, Lembaga boleh memberi pinjaman, dan pinjaman itu boleh diberi tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang Lembaga fikirkan patut dikenakan dalam hal tertentu.

### **Kuasa untuk menubuhkan perbadanan**

28. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan sesuatu perbadanan dengan apa-apa nama yang Lembaga fikirkan patut untuk melaksanakan dan untuk menjaga, menjalankan dan menguruskan apa-apa projek, rancangan atau enterprais yang telah dirancang atau diakui akan dijalankan oleh Lembaga pada melaksanakan kewajipannya atau pada menjalankan fungsinya.

(2) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

### **Pengambilan tanah secara paksa**

29. (1) Apabila apa-apa harta tak alih yang bukan tanah Kerajaan perlu diperoleh oleh Lembaga bagi maksud Akta ini, harta itu boleh diperoleh mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi maksud awam, yang pada masa itu berkuat kuasa dalam Negeri itu, dan apa-apa akuan yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis itu bahawa tanah itu diperlukan sedemikian boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar oleh Lembaga, dan akuan itu hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia suatu akuan bahawa tanah itu diperlukan bagi maksud awam mengikut undang-undang bertulis itu.

(2) Perbelanjaan dan pampasan mengenai mana-mana harta tak alih yang diperoleh di bawah seksyen ini hendaklah dibayar oleh Lembaga.

(3) Apabila apa-apa harta tak alih telah diperoleh di bawah seksyen ini, Lembaga hendaklah membuat cabutan dokumen hakmilik yang perlu mengenai harta itu dan hendaklah membayar apa-apa sewa yang mungkin dikenakan atas harta itu.

## BAHAGIAN VI

## AM

30. (*Dipotong oleh Akta 478*).

**Tanggungjawab kerahsiaan**

31. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding jenayah di bawah Akta ini, tiada seorang anggota, pegawai atau pekhidmat Lembaga boleh menyatakan apa pun maklumat yang telah diperolehnya semasa melaksanakan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

32. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan cara yang lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan di bawah subseksyen itu boleh dibuat bagi—

- (a) menetapkan cara bagaimana apa-apa perihalan dokumen, cek dan surat cara hendaklah ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga;
- (b) menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai dan pekhidmat Lembaga;
- (c) mengenakan fi dalam apa-apa hal yang ditentukan oleh Lembaga;
- (d) mengadakan peruntukan mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan syer, saham, bon, debentur atau saham debentur yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang didapati oleh

Lembaga adalah perlu atau suai manfaat, dan, khususnya, bagi mengawal selia kaedah pengeluaran, pemindahan hakmilik, penebusan atau urusan lain mengenai syer, saham, bon, debentur atau saham debentur itu;

- (e) menetapkan cara, terma dan syarat bagi pinjaman yang diberi oleh Lembaga di bawah seksyen 27; dan
- (f) mengadakan peruntukan secara am mengenai penjalanan kuasa dan kewajipan Lembaga di bawah peruntukan Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) mengadakan peruntukan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peruntukannya menjadi suatu kesalahan; dan
- (b) mengadakan peruntukan bagi pengenaan penalti untuk apa-apa kesalahan yang penaltinya tidak boleh melebihi satu ribu ringgit.

### **Perkara yang dilakukan dengan menjangkakan Akta ini akan diperbuat**

**33.** Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Lembaga pada dan bagi menyediakan pelaksanaan yang wajar akan mana-mana peruntukan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya dengan menjangkakan Akta ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah diberikan oleh Akta ini, dan segala hak dan tanggungan yang diperoleh atau dilakukan bagi pihak Lembaga daripada apa-apa perkara yang dilakukan sedemikian atau apa-apa perbelanjaan yang dilakukan sedemikian hendaklah disifatkan hak dan tanggungan Lembaga sebaik sahaja Akta ini mula berkuat kuasa.

### **Tempoh kuat kuasa Akta**

**34.** Akta ini hendaklah berkuat kuasa selama tempoh dua puluh tahun dari tarikh ia dikuatkuasakan tetapi tempoh itu boleh dilanjutkan lagi sebagaimana yang ditentukan dengan melalui persetujuan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

## Penggulungan

**35.** (1) Menteri hendaklah, enam bulan sebelum Akta ini ditamatkan, memberi arahan untuk menggulung dan membubarkan Lembaga.

(2) Apabila Lembaga dibubarkan, aset Lembaga hendaklah disimpan dalam Kumpulan Wang Disatukan selepas dibayar semua tanggungan.

(3) Penggulungan Lembaga hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri.

---

### JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 5 (2)]

#### **Terma dan syarat pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan**

**1.** (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun dan layak dilantik semula dari semasa ke semasa.

(2) Pelantikan seseorang anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberi apa-apa sebab.

(3) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat kepada Menteri.

(4) Seseorang anggota hendaklah menumpukan masanya kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu bagi menjalankan kewajipannya.

#### **Mengosongkan jawatan**

**2.** (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah dikosongkan—

(a) jika anggota itu mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadap anggota itu, atau anggota itu telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan mengenai—

(i) kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

- (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dikenakan hukuman penjara (hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun; atau
- (c) jika anggota itu menjadi bankrap;
- (d) jika anggota itu tidak sempurna akal atau, kerana apa-apa sebab lain, tidak berupaya menjalankan kewajibannya;
- (e) jika anggota itu tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga;
- (f) sekiranya perletakan jawatan anggota itu diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika pelantikan anggota itu dibatalkan.

(2) Jika seseorang anggota terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seseorang hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan yang berkenaan.

#### **Saraan dan elaun**

**3.** Hendaklah dibayar kepada anggota Lembaga atau mana-mana orang lain apa-apa gaji, saraan atau elaun yang ditentukan oleh Lembaga selepas berunding dengan Menteri.

#### **4. Mesyuarat**

- (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan.
- (2) Kuorum bagi Lembaga ialah enam.
- (3) Dalam semua mesyuarat Lembaga, Pengerusi atau, jika ia tidak hadir, seorang anggota yang dipilih oleh anggota-anggota yang hadir, hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.
- (4) Jika mengenai sesuatu soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga bilangan undi didapati sama banyaknya, Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu berhak memberi undi pemutus selain undi biasanya.
- (5) Tertakluk kepada subperenggan (1), (2), (3) dan (4), Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

#### **Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat**

**5.** Lembaga boleh meminta mana-mana orang (yang bukan anggota Lembaga) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatkannya atas apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi sesiapa yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan tersebut.

**Meterai Perbadanan**

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi sesuatu tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecah, ditukar, diubah atau dibuat baharu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga suatu cap mengandungi perkataan “Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah” boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan itu atau cap yang tersebut dalam subperenggan (2) hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau oleh orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagaimana tersebut di atas, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnya sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki dimeterai, boleh disempurnakan oleh Lembaga dengan cara demikian itu juga; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meterai perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

**Penzahiran kepentingan**

7. Seseorang anggota Lembaga yang mempunyai, secara langsung atau secara tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam sesuatu syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hal dan jenis kepentingannya, dan hal yang dizahirkan itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga, dan melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil apa-apa bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

**Minit**

8. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit semua mesyuarat Lembaga disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.



(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga dengan minit mengenai perjalanannya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

### **Kesahan perbuatan dan prosiding**

9. Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa catatan dalam perlembagaan, Lembaga;
- (b) pelanggaran oleh mana-mana anggota Lembaga akan peruntukan perenggan 7; atau
- (c) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes yang berkenaan itu.

---

### JADUAL KEDUA

[Subseksyen 28 (2)]

### **Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan berkenaan dengan perbadanan**

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh sesuatu perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 28, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

### **Kecualian**

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan sebagai memberi kuasa kepada Lembaga membuat peraturan-peraturan untuk menubuhkan sesuatu perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas bidangnya daripada maksud atau tujuan Lembaga itu ditubuhkan atau sebagai memberikan kepada perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk antara hak, kewajipan, kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

**Kuat kuasa peraturan-peraturan**

3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan peruntukan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 32, sesuatu perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu dibuat dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat dan hendaklah berkuat kuasa bagi semua maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.

**Pindaan bagi peraturan-peraturan**

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan, atau membuat tambahan kepada mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat berkenaan dengan sesuatu perbadanan di bawah perenggan 1.

**Daftar perbadanan**

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 28 dan daftar itu bersama dengan salinan semua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh orang awam di mana-mana satu atau beberapa tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

**Penggulungan**

6. (1) Lembaga boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila sesuatu perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah dipindah dan diletak hak pada Lembaga setelah semua tanggungan dijelaskan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

**Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan**

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 adalah suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberi oleh Lembaga dan adalah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadap nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, rancangan atau enterprais yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan semua perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam tiap-tiap satu hal itu.

**Meterai perbadanan bagi perbadanan**

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi suatu tanda yang diluluskan oleh perbadanan, dengan persetujuan Lembaga, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecah, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh perbadanan dengan persetujuan Lembaga, mengikut sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan di bawah perenggan ini suatu cap mengandungi nama perbadanan melingkungi “LKWK” boleh digunakan sebagai suatu meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan itu, atau cap yang tersebut dalam subperenggan (2), hendaklah disimpan dalam jagaan seseorang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagaimana tersebut di atas, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sahnya sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak akan dikehendaki dimeterai boleh disempurnakan dengan cara demikian itu juga oleh perbadanan: dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 249****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH 1981**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 478	Akta Pembatalan Pengecualian Bayaran Duti Setem 1992	01-11-1987
Akta A969	Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 1996	27-09-1996

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 249****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH 1981**

## SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A969	27-09-1996
16A-16H	Akta A969	27-09-1996
30	Akta 478	21-02-1992

---

